

**P**ENERIMAAN baik masyarakat tempatan terhadap misi kemanusiaan Kontinjen Malaysia - Pasukan Bantuan Keselamatan Antarabangsa (MALCON - ISAF) di Bamiyan, Afghanistan mendorong minat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menghantar lebih ramai pegawai dan anggotanya untuk menabur bakti di wilayah mundur dan miskin itu.

Ketua Staf Markas ATM, Left Jen Datuk Raja Mohd Affandi Mohamed Noor, berkata pertambahan jumlah keanggotaan itu juga penting bagi membantu mempercepatkan proses pembangunan semula negara perang itu, terutama dari segi kemudahan dan infrastruktur kesihatan setempat.

"Penyertaan Malaysia di sana mendapat tumpuan pihak antarabangsa, terutama Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) dan Amerika Syarikat (AS) yang mengetuai ISAF. Ini didorong sambutan baik di kalangan penduduk setempat terhadap kontinjen kita, selain semangat dedikasi dan profesionalisme kita dalam memberi perkhidmatan.

"Justeru, mereka merasakan jumlah keanggotaan MALCON - ISAF perlu dipertingkatkan kerana memang ada permintaan di sana, bagi membantu mempercepatkan pembangunan semula kesihatan setempat,

KOMANDER Malcon - ISAF, Lt Kol Norazan Omar menerima dokumen penyerahan Kem Malaysia daripada Pengarah Urusan Dwi Makna, Mejar (B) Mohamed Tahwil Azar.



# MALCON-ISAF terus berbakti

B/H. 7/1/2011 Ms 28.

ATM mahu hantar lebih ramai anggota bantu percepat pembangunan semula Afghanistan

lain memperluaskan lagi kawasan liputan misi kemanusiaan dan operasi perubatan kita," katanya kepada *Berita Harian*.

Beliau sebelum itu mewakili Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Azizan Ariffin pada majlis sambutan kepu-

langan dan pembubaran Pasukan Perubatan Malaysia-Misi Keamanan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) Di Sahara Barat (MMU-MINURSO) di Hospital Tentera Tuanku Mizan Zainal Abidin, di ibu negara, baru-baru ini. Hadir sama, Ketua



ANGGOTA MALCON-ISAF memeriksa gigi penduduk tempatan.

“*Penyertaan Malaysia di sana mendapat tumpuan pihak antarabangsa, terutama NATO dan AS yang mengetuai ISAF. Ini didorong sambutan baik di kalangan penduduk setempat*”

**Raja Mohd Affandi  
Mohamed Noor**  
Ketua Staf Markas ATM

Pengarah Perkhidmatan Kesihatan ATM, Left Jen Datuk Pahlawan Dr Abd Razak Md Yusoff dan Pemangku Panglima Markas Angkatan Bersama (Mk AB), Mejar Jen Datuk Abu Bakar Md Said.

Pada 19 Oktober lalu, ATM menghantar sembilan pegawai dan 31 anggota lain-lain pangkat diketuai Left Kol Norazan Omar bagi melaksanakan misi kemanusiaan dan bantuan perubatan di wilayah itu yang terletak kira-



DEMONSTRASI merawat kaki patah oleh anggota MALCON-ISAF kepada tentera Afganistan.

kira 230 kilometer ke timur Kabul sepanjang tempoh penugasan antara enam hingga sembilan bulan.

Malah, Malaysia turut mencipta sejarah sebagai negara bukan ahli NATO pertama dipilih membantu Program Pembangunan Semula Wilayah (PRT) nega-


ra perang itu.

Difahamkan, penyertaan negara itu atas jemputan Presiden AS, Barrack Obama dalam pertemuannya bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sempena Sidang Kemuncak Nuklear 2010 di Washington DC, awal tahun lalu selepas mengam-

bil kira peranan aktif dimainkan Malaysia dalam ASEAN dan Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC).

Mohd Affandi berkata, cadangan menambah jumlah keanggotaan MALCON-ISAF sudah dikemukakan kepada Kementerian Pertahanan dan jika diluluskan, ATM meran-

B/W. 7/1/2011 MS 29.



**CARA penjagaan gigi diterangkan secara berperingkat kepada kanak-kanak di Bamiyan.**

cang menghantar sekurang-kurangnya 120 pegawai dan anggota tambahan termasuk pegawai perubatan, paramedik dan unit logistik tahun ini, selain pasukan keselamatan sebagai pasukan pengiring mereka.

"Malaysia tidak terbabit langsung dalam sebarang operasi ketenteraan atau penugasan konflik, sebaliknya peranan kita cukup murni iaitu melaksanakan misi kemanusiaan, termasuk memberi rawatan kesihatan dan menyalur bekalan perubatan kepada penduduk memerlukan.

"Malah, MALCON - ISAF turut mengadakan program

*mentoring*, khusus bagi melatih pegawai perubatan, ahli paramedik dan jururawat tempatan bagi menampung keperluan setempat, selain bekerjasama dengan pasukan negara lain membangunkan semula kemudahan kesihatan di sana yang musnah akibat perang," katanya.

Selain Afghanistan, ATM juga bersedia menggerakkan pasukan perubatannya ke mana-mana negara perang atau wilayah konflik jika ada permohonan, selain memenuhi syarat dan kriteria ditetapkan.

"Sejak 1963, ATM menyer-  
tai banyak misi antarabang-

sa, terutama dikendalikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kebanyakannya sebagai pasukan pengaman dan pasukan perubatan. Ini satu landasan terbaik untuk memberi pendedahan kepada pegawai atau anggota terpilih bertugas di kawasan konflik.

"Ia juga tentunya memberi pengalaman berguna kepada mereka, sekali gus membawa implikasi baik kepada usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan ATM. Dalam konteks perubatan, misi sebegini mampu menjadikan pasukan perubatan kita lebih kompeten dan profesional," katanya.



**DAGING** korban turut diserahkan kepada kanak-kanak Afghanistan.



**KANAK-KANAK** menerima berus dan ubat gigi percuma.



**GOLONGAN** wanita diajar kemahiran asas ketika kecemasan.